

## Gender, Makanan dan Identiti Orang Melayu

AISHAH @ ESHAH HAJI MOHAMED

### ABSTRAK

*Makanan menyediakan medium simbolik dalam menyatakan kenyataan tentang identiti. Makalah ini membincangkan bagaimana makanan, penyediaan makanan dan amalan makan membentuk identiti gender. Ia diasaskan kepada data etnografi yang didapati melalui pemerhatian dan temubual separuh struktur dengan orang Melayu di Sungai Peria, Kelantan yang dilakukan beberapa kali di antara tahun 1992 dan 1998. Makalah ini menghujahkan bahawa proses sosiolisasi, peranan, domain dan sistem pengelasan makanan boleh dilihat sebagai ukuran ketidakseimbangan gender dan subordinasi wanita dalam rumah tangga dan komuniti. Identiti orang Melayu Sungai Peria terbentuk dan dimanifestasikan melalui makanan dan amalan makan. Terdapat perbezaan di antara makanan lelaki dan wanita, baik dari segi jenis, kuantiti dan kualiti. Organisasi kerja dalam lingkungan domestik masih terus menjadi tugas wanita. Tugas ini diberi nilai yang rendah dan dianggap tidak penting kerana budaya mereka masih melihatnya sebagai peranan semulajadi wanita. Selain itu, wanita masih terus disisihkan daripada lingkungan umum. Lingkungan umum masih dianggap sebagai lingkungan lelaki, manakala lingkungan domestik pula dianggap sebagai lingkungan wanita. Pemisahan di antara identiti lelaki dan wanita serta peranan umum dan domestik telah meletakkan wanita dalam kedudukan yang subordinat.*

*Kata kunci:* makanan, gender, identiti, wanita Melayu

### ABSTRACT

*Food provides a fluid symbolic medium in expressing statements about identity. This article examines the significance of food, food preparation and eating practices in the formation of gender identity. The study uses ethnographic data based on field observations and semi-structured interviews with Malays in Sungai Peria, Kelantan over several visits made between 1992 and 1998. It is argued that socialization process, roles, domain and food classification system may be viewed as a measure of gender inequality and women subordination in the household and the community. Their identity has been attained and manifested through food and eating practices. A clear demarcation is observed as regard to food between Malay women and men, both in terms of kinds of food, their quantity and quality. The organisation of domestic labour*

*and marital role relationships confirm that cooking and feeding in the domestic domain continues to be a task done more by women than men. This task has been devalued and rendered invisible because of a dominant culture that views it as a natural role for women. Besides, women have been largely excluded from the public domain. Here, the public domain constitutes the world of men, while the women belong to the private domain. The dividing line between male and female identity and private and public roles tends to keep women in a subordinate position.*

*Key words:* food, gender, identity, Malay women

## PENGENALAN

Gender dan identiti ialah dua persoalan yang sudah diwacanakan sejak lama dahulu. Namun wacana makanan sebagai penanda identiti dalam budaya terutamanya budaya Melayu amat baru. Dalam kehidupan harian, makanan merupakan penanda sosial yang amat bermakna yang digunakan untuk membentuk realiti sosial. Manusia memerlukan makanan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan biologi tetapi juga untuk menafsirkan persekitaran sosial mereka, meletakkan diri sosial mereka serta memindahkan pengetahuan tentang siapa dan apa sebenarnya diri mereka. Cara makan, cara duduk semasa makan serta makanan yang dimakan oleh seseorang dengan sendirinya menyatakan identitinya dalam hubungannya dengan individu lain, baik dari segi etnik, gender maupun kelasnya (Caplan 1997: 15). Identiti merujuk kepada hubungan sosial seseorang dalam sistem kategori sosial tertentu (Frable 1997: 139). Orang yang mendefinisikan dirinya sebagai *vegetarian* secara langsung menyatakan identiti dirinya. Identiti kelas seseorang juga terjelma melalui makanan termasuk keadaan dan cara makanan itu disediakan dan dihidangkan kepadanya semasa makan.

## MAKANAN DAN IDENTITI GENDER

Makanan adalah penanda identiti gender, selain sebagai penanda identiti kelas. Identiti gender ialah asas kepada kewujudan perasaan seseorang sama ada ia lelaki atau wanita (Spence dalam Frable 1997), yang menyusun tingkah laku dan peranan sosialnya. Tingkah laku dan peranan lelaki yang berlawanan dengan tingkah laku dan peranan wanita terjelma dalam struktur tingkah laku, peraturan, idea dan persepsi masyarakat. Identiti gender dalam konteks makanan terserlah melalui sistem pengelasan makanan dan proses sosialisasi, peranan serta lingkungan (*domain*) yang berbeza di antara lelaki dan wanita. Sistem pengelasan makanan kepada *masculine* dan *feminine* memperlihatkan perbezaan identiti gen-

der di mana wanita dikatakan sebagai golongan yang lemah, *inferior* dan subordinat kepada lelaki (Farb & Armelagos 1980; Meigs 1984; Brumberg 1997; Caplan 1997).

Identiti gender tidak ditentukan secara biologi tetapi secara sosial melalui proses sosialisasi. Proses sosialisasi ini membentuk sistem idea dan amalan tentang peranan dan tingkah laku gender yang meletakkan aktiviti dan tanggungjawab yang berbeza bagi anak lelaki dan anak perempuan. Anak perempuan dididik dan dilatih untuk mencontohi tingkah laku dan peranan ibu mereka, manakala anak lelaki pula mencontohi tingkah laku dan peranan ayah mereka (Callaway 1997). Tingkah laku serta peranan anak perempuan berkaitan dengan lingkungan domestik dan sifat-sifat wanita yang sensitif, bersimpati, penyayang dan bertimbang rasa kepada orang lain seperti bermain masak-masak dan bermain anak patung. Anak lelaki pula bertenkah laku dan bermain permainan yang berkaitan dengan lingkungan umum dan sifat-sifat lelaki yang lasak, aktif, agresif, berkuasa, kuat, bebas, kompetitif dan tidak sentimental. Apabila mereka meningkat remaja, kematangan mereka dinilai dari segi keupayaan menanggung makan minum orang lain bagi lelaki dan kepandaian memasak serta mengurus rumah tangga bagi perempuan. Anak teruna yang sudah bekerja dan berupaya menanggung keperluan makan diri sendiri dan orang lain dikatakan sebagai sudah matang dan dewasa. Manakala kematangan dan kedewasaan anak dara pula dikaitkan dengan kebolehannya memasak dan mengurus rumah tangga.

Lelaki dijangka berperanan sebagai pencari nafkah, ketua keluarga dan pembuat keputusan dalam hal-hal rumah tangga (Weismantel 1988; Gannon 1994:206), manakala wanita sebagai pemberi jagaan dan makanan kepada keluarga serta sebagai pembantu lelaki (Manderson 1986; Ellis 1983; Murcott 1997; Caplan 1997; Feldman-Savelsberg 1996). Menyediakan makanan merupakan tanggung-jawab utama dan juga simbol perkahwinan bagi wanita (Manderson 1986: 12). Melalui perkahwinan, wanita bukan sahaja membawa bersama tenaga mereka tetapi juga modal dalam bentuk pengetahuan tentang makanan. Banyak kajian yang dijalankan di Barat (misalnya Ellis 1983; Counihan 1988; Murcott 1997; DeVault 1997) merumuskan bahawa amalan makan keluarga berkaitan dengan pembahagian tugas di antara lelaki dan wanita. Kajian mereka menunjukkan bahawa mendapatkan, memasak dan menghidang makanan dan mengemas selepas makan adalah kerja wanita yang dikaitkan dengan kewanitaan, kerja ringan dan remeh temeh, tidak memerlukan kepandaian dan tidak dianggap sebagai kerja produktif. Walaupun wanita melakukan hampir keseluruhan kerja yang berkaitan dengan makanan, mereka kurang mempunyai kawalan ke atas kandungan makanan yang dimakan dan jenis masakan yang hendak dimasak kerana selera pasangan mempengaruhi pilihan mereka. Wanita sebagai isteri, kakak dan ibu dididik untuk mementingkan orang lain terutama sekali suami, anak-anak dan lelaki dan mengorbankan kepentingan diri sendiri. Mereka merasa seronok apabila dapat memasak makanan untuk suami atau lelaki. Suami atau lelaki menjadi punca kenapa isteri atau wanita memasak masakan yang rapi dan

teliti pada setiap masa makan. Ada kajian yang menunjukkan penderaan isteri berlaku kerana penyediaan dan penghidangan makanan isteri kepada suami tidak memuaskan (Ellis 1983).

Seperti dinyatakan di atas, peranan dan tingkah laku wanita banyak berkaitan dengan lingkungan domestik, manakala peranan dan tingkah laku lelaki banyak berkaitan dengan lingkungan umum (*public*) (Rosaldo 1974; Weismantel 1988; Goody 1984). Pembahagian tugas sebegini memperlihatkan struktur kuasa yang membezakan lelaki daripada wanita. Lingkungan umum dianggap lingkungan untuk golongan yang dihormati dan *superior*, manakala lingkungan domestik dianggap rendah martabat sosialnya (Rosaldo 1974; Weismantel 1988; Bilton et al. 1996,) dan tempat untuk golongan *inferior*. Wanita dianggap sebagai golongan *inferior* dan sampingan kerana dalam lingkungan umum, wanita hanya sebagai pembantu kepada lelaki.

Perbezaan lingkungan ini merupakan idea asas budaya yang membezakan bukan sahaja peranan tetapi juga tingkah laku gender. Makan di luar rumah seperti di kedai kopi atau kedai makan menunjukkan tingkah laku kelelakian dan kepandaian bergaul lelaki, tetapi tidak bagi wanita (Firth 1966; Weismantel 1988; Gannon 1994). Wanita yang suka makan di kedai makan dikatakan sebagai terlalu bebas, bermoral rendah dan berperangai seperti lelaki, iaitu dikaitkan dengan identiti yang negatif. Lelaki dewasa yang tidak bergaul dengan kawan-kawan lelakinya dengan keluar makan bersama mesti ada alasan yang kukuh supaya tidak dituduh sebagai anti sosial dan bertingkah laku seperti wanita. Di luar masa kerja, lelaki harus terus mengamalkan gaya hidup lelaki dengan keluar minum, makan dan/atau merokok bersama dengan kawan-kawan di luar rumah.

Identiti gender bagi lelaki dan wanita ini terus berubah mengikut tahap-tahap dalam edaran hidup dan orang yang berinteraksi dengan seseorang itu. Apabila mendirikan rumah tangga, identiti gender aktor berkenaan berubah menjadi isteri atau suami, kakak ipar, adik ipar atau abang ipar dan menantu. Setelah mendapat anak, mereka bukan sahaja dikenali sebagai isteri, suami atau menantu, tetapi juga sebagai ayah atau ibu. Perubahan ini mengubah peranan dan tingkah laku mereka dalam konteks makanan serta persepsi masyarakat terhadap amalan makan. Maka wujudlah identiti ibu mertua atau menantu yang baik dan rajin yang berlawanan dengan identiti ibu mertua dan menantu yang malas, cerewet, suka mengongkong dan garang (Rudie 1995). Ini bermakna identiti gender seseorang individu bersifat *multi-dimensional* iaitu boleh berubah mengikut situasi dan orang yang terlibat dengannya (Caplan 1997; Frable 1997).

Berdasarkan pengertian di atas tentang gender, makanan dan identiti, makalah ini cuba melihat bagaimana makanan, penyediaan makanan dan amalan makan dalam rumah tangga dan komuniti boleh menyumbang kepada pembentukan identiti gender. Andaiannya ialah bahawa proses sosialisasi, peranan, lingkungan dan sistem pengelasan makanan boleh dijadikan sebagai ukuran ketidak-seimbangan gender dan subordinasi wanita dalam rumah tangga dan komuniti. Perbincangan dalam makalah ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan oleh

penulis di kalangan orang Melayu Sungai Peria, Kelantan dari tahun 1993 hingga 1998. Komuniti Melayu Sungai Peria mempunyai penduduk seramai 1048 orang yang terdiri daripada 203 (19.4 peratus) lelaki, 218 (20.8 peratus) wanita dan 627 (59.8 peratus) kanak-kanak. Mereka bekerja sebagai penoreh getah dan masih kuat dipengaruhi oleh kepercayaan dan amalan tradisi Melayu.

### MAKANAN WANITA DAN MAKANAN LELAKI

Sistem pengelasan makanan merupakan salah satu unsur bagi penanda identiti gender. Ada masyarakat yang mengelaskan makanan kepada *masculine* dan *feminine* (Farb & Armelagos 1980; Meigs 1984; Caplan 1997). Makanan yang dikelaskan sebagai masculine terdiri daripada *protein* terutama sekali daging (Farb & Armelagos 1980; Brumberg 1997). Manakala sayur-sayuran dan buah-buahan pula dikelaskan sebagai feminine (Farb & Armelagos 1980; Caplan 1997). Faktor keadaan semula jadi tubuh lelaki serta aktiviti harian menyebabkan lelaki perlu makan lebih banyak daging berbanding dengan wanita (Farb & Armelagos 1980; Caplan 1997). Keadaan ini dapat diperhatikan dalam masyarakat Melayu Sungai Peria. Mereka menganggap seetengah makanan hanya sesuai dimakan oleh lelaki dan dikaitkan dengan identiti mereka. Daging dan makanan pedas membawa konotasi kekuatan, kelasakan, kelelakian, keagresifan dan keaktifan yang dikaitkan dengan identiti lelaki dan dikelaskan sebagai makanan lelaki. Daging, di samping berupaya untuk memanaskan badan dipercayai boleh meningkatkan tenaga fizikal. Tenaga fizikal yang kuat serta tubuh yang panas diperlukan oleh lelaki dalam melaksanakan peranan mereka yang bersesuaian dengan identiti sebagai pelindung kepada golongan yang lemah. Lelaki yang lemah dan tidak tahan makan makanan pedas diejek dan dalam setengah keadaan di katakan pondan dan disamakan dengan wanita. Sifat dan peranan wanita yang tidak mementingkan kekuatan dan keagresifan menyebabkan mereka tidak begitu perlu makan daging. Wanita Melayu Sungai Peria selalu memberi keutamaan kepada lelaki semasa makan dengan memberi mereka makan lebih banyak lauk utama terdiri daripada daging, ikan dan telur. Selain dari itu, lelaki digalakkan makan dalam kuantiti yang banyak, manakala wanita pula mesti makan kurang daripada lelaki dan mesti berkorban untuk lelaki dan anak-anak. Pandangan yang sama juga wujud di kalangan masyarakat Victoria di Britain pada abad ke sembilan belas (Brumberg 1997:169). Wanita zaman Victoria dianggap bertindak di luarkebiasaan atau adat apabila mereka makan daging kerana daging bukanlah jenis makanan golongan yang lemah.

Orang Melayu Sungai Peria tidak menganggap sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai komponen *diet* yang penting dan mengelaskan bahan-bahan itu sebagai makanan wanita dan golongan miskin. Sayur-sayuran hanya dimakan apabila makanan dari jenis lain tidak ada untuk dimasak sebagai lauk, manakala buah-buahan pula mereka makan hanya apabila tiba musim buah. Buah-buahan

dianggap sebagai tambul, iaitu makanan yang dimakan di luar masa makan. Masyarakat Melayu Sungai Peria sama dengan masyarakat Zumbagua di Andes, Ecuador (Weismantel 1988: 140) yang tidak menganggap tambul sebagai penting atau perlu untuk penerusan hidup serta kesihatan. Tambul hanya dimakan apabila makanan tersebut ada. Culik, iaitu buah-buahan yang dimakan bersama-sama dengan pencecah dikategorikan sebagai tambul dan dikelaskan sebagai makanan wanita. Buah-buahan yang dibuat culik selalunya terdiri daripada buah-buahan muda dan masam. Di Sungai Peria, buah-buahan muda dan masam banyak dimakan oleh wanita semasa datang haid dan mengandung. Culik dikaitkan dengan fitrah wanita yang mengalami haid dan hamil seperti ‘mengidam’ dan loya. Wujud ungkapan seperti, “Mu ni macam orang mengidam” apabila seseorang wanita kerap makan culik dan buah-buahan masam. Oleh sebab culik tidak dianggap sebagai makanan lelaki, maka lelaki yang suka makan culik disamakan dengan wanita.

Lelaki bukan sahaja dibezakan daripada wanita dari segi jenis dan kuantiti tetapi juga kualiti makanan yang dimakan (Fieldhouse 1986; Caplan 1997: 10). Makanan lebihan dianggap oleh orang Jepun (Farb & Armelagos 1980) sebagai tidak sesuai untuk dihidangkan kepada lelaki dan juga tidak dihidangkan kepada tetamu kehormat. Makanan lebihan hanya layak diberi kepada mereka dari status yang lebih rendah daripada orang yang memberi atau diberi kepada tetamu perempuan yang mempunyai hubungan yang amat rapat dengan orang yang memberi (Farb & Armalegos 1980). Orang Melayu di Sungai Peria jarang menghidangkan nasi dingin (iaitu nasi lebihan masa makan sebelumnya) dan lauk lebihan makan malam kepada lelaki terutama ketua keluarga. Nasi dingin yang dalam banyak keadaan hanya dimakan oleh wanita dan kerap juga dijadikan oleh orang Melayu di sini sebagai nasi goreng untuk sarapan pagi. Namun mengikut orang Melayu Sungai Peria, nasi goreng pula layak diberi makan kepada sesiapa sahaja, tidak kira lelaki atau wanita, dewasa atau kanak-kanak, orang miskin atau orang kaya, tetamu atau tuan rumah. Taraf nasi dingin berubah apabila bahan itu dijadikan nasi goreng kerana ia dimasak semula. Makanan lebihan yang dimasak semula dan berubah wajah menjadi jenis masakan baru sesuai dihidangkan kepada lelaki. Ini menunjukkan bahawa sistem pengelasan makanan secara tidak langsung memperlihatkan perbezaan status di antara lelaki dan wanita.

## SOSIALISASI DAN PEMBENTUKAN IDENTITI KANAK-KANAK

Melalui sosialisasi, kanak-kanak sejak awal lagi menyedari identiti gender mereka serta apa yang dijangkakan oleh masyarakat daripada mereka. Dalam pelbagai masyarakat, kanak-kanak perempuan dididik untuk melakukan peranan ibu dan isteri seperti menolong menjaga dan memberi adik makan serta masak makanan untuk keluarga. Mereka diberi tanggungjawab ini sejak berumur lima tahun lagi (Callaway 1997). Mereka tidak digalakkan untuk keluar rumah dan hanya keluar

untuk tujuan tertentu seperti pergi sekolah, menyampaikan pesanan ibu mereka, membeli makanan, mencari kayu api, mengangkat air dan sekali sekala bermain. Pergerakan mereka di luar rumah juga dikawal. Ini berkaitan dengan nilai-nilai budaya yang mementingkan kesucian dan kemurnian yang mesti dipertahankan di kalangan anak dara.

Keadaannya berlainan dengan anak lelaki. Selain bebas di luar rumah, mereka juga jarang disuruh oleh ibu mereka untuk menolong dalam hal-hal yang berkaitan dengan masak-memasak dan kerja-kerja rumah yang lain serta menjaga adik. Mereka tidak disuruh oleh ibu mereka untuk membasuh walaupun pinggan makan (pinggan nasi) mereka sendiri. Anak lelaki hanya menolong ibu dalam hal seperti mengambil air dari perigi, menyiram pokok sayur-sayuran di kebun serta menge-luarkan kambing dari kandang atau bawah rumah. Kerja-kerja yang mereka lakukan ini banyak berkaitan dengan lingkungan umum. Apabila mereka meningkat remaja, kerja-kerja tersebut juga jarang mereka lakukan. Mereka dikatakan sudah patut menolong kerja-kerja ayah mereka seperti meracun lalang di kebun, bertukang, mencari hasil hutan dan memburu ayam hutan. Kerja-kerja yang mereka lakukan ini berkaitan dengan kekuatan tenaga, perkiraan rasional, kerja-kerja produktif dan melaksanakan autoriti yang berbeza dari kerja-kerja yang dilakukan oleh kanak-kanak perempuan. Kerja-kerja sebegini sebenarnya tidak dilakukan setiap hari, hanya dua tiga bulan sekali. Ini bermakna, mereka banyak masa untuk bersosial di luar rumah.

Ibu bapa di Sungai Peria mendidik anak-anak mereka supaya melibatkan diri dalam aktiviti dan tingkah laku yang bersesuaian dengan gender mereka dalam usaha untuk mematangkan dan mendewasakan mereka. Identiti anak lelaki yang matang dan dewasa dilihat dari segi keupayaan mereka untuk menyara makan minum diri sendiri dan juga orang lain. Manakala anak perempuan pula dianggap sudah matang apabila mereka sudah pandai memasak dan mengurus rumah tangga. Anak-anak yang belum boleh melakukan semua ini dikatakan sebagai masih mentah. Anak yang mampu menyara diri sendiri dan mengurus makan minum orang lain dikatakan sudah layak untuk dikahwinkan.

Kahwin merupakan tahap permulaan kedewasaan seseorang kanak-kanak (Manderson 1986). Orang Melayu Sungai Peria menganggap remaja yang berkahwin sebagai orang dewasa yang berupaya untuk menyara dan mengurus keluarga sendiri, tanpa mengambil kira umur mereka semasa kahwin. Anak perempuan yang berumur 15 tahun dan berkahwin dianggap telah dewasa dan matang, manakala perempuan yang berumur 27 tahun tetapi belum berkahwin, dianggap sebagai masih mentah, belum dewasa dan terus memegang status anak dara. Sebagai anak dara mereka tidak bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyediaan makanan untuk keluarga. Mereka hanya bertindak sebagai pembantu kepada ketua organisasi dapur iaitu ibu atau nenek mereka. Keadaan yang sama juga dialami oleh anak lelaki. Selagi mereka tidak berkahwin, selagi itulah mereka tidak dianggap matang dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyara makan minum orang lain.

Wujud ungkapan seperti “ubun-ubun belum keras”, “pegang cangkul pun tidak pandai”, “pegang pisau getah pun tidak pandai” atau “makan masih bergantung kepada ibu bapa” untuk menunjukkan ketidakupayaan kanak-kanak lelaki untuk bekerja dan menyara keluarga. Mengikut orang Melayu di Sungai Peria, lelaki yang tidak mampu untuk menyara keluarga tidak akan dibenarkan kahwin oleh ibu bapa mereka kerana takut membebankan mereka kelak. Anak lelaki akan dibenarkan berkahwin apabila mereka menunjukkan kemampuan untuk menyara keluarga. Ini bermakna, kematangan dan kedewasaan seseorang lelaki diukur dari keupayaan mereka untuk menyara makan minum anak isteri mereka.

Pandai memasak dan mengurus hal-hal rumah tangga adalah identiti anak dara yang matang dan layak untuk dikahwinkan. Selagi tidak pandai memasak, selagi itulah mereka dikatakan sebagai masih mentah, tidak matang dan belum dewasa. Orang Melayu Sungai Peria menggunakan kebolehan menanak (memasak) nasi untuk melambangkan kematangan dan kedewasaan seseorang kanak-kanak perempuan. Wujud ungkapan, “menanak nasi pun mentah”, “goreng ikan pun hangus” atau “tidak pandai menanak” untuk menerangkan ketidakmatangan seseorang anak dara. Ibu bapa di sini menggunakan alasan-alasan seperti ini sekiranya mereka mahu menolak pinangan seseorang secara halus terhadap anak perempuan mereka. Jiran tetangga pula menggunakan ungkapan yang sama apabila ditanya pandangan mereka tentang seseorang anak dara. Anak dara yang rajin menolong kerja-kerja dapur selalu mendapat perhatian dan pujian jiran tetangga.

Ibu-ibu di sini melengkapkan anak perempuan (tetapi tidak anak lelaki) mereka dengan kepandaian memasak sebelum mereka dikahwinkan. Anak perempuan juga diajar mengumpul dan mengenal pasti tumbuhan makanan yang hidup liar di hutan. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam satu keluarga informan yang terdiri daripada keluarga asas. Keluarga ini mempunyai tujuh orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Empat daripada anak lelakinya berumur 16 tahun ke atas, manakala anak peremuannya berumur 10 tahun. Anak lelakinya tidak menolong dalam kerja-kerja rumah seperti memasak dan membasuh pinggan mangkuk dan hanya sekali sekala pergi menebas di kebun. Sekiranya tidak me-nebas, mereka keluar dengan kawan-kawan atau duduk di rumah sahaja. Semasa di rumah mereka hanya menunggu makanan dihidangkan. Anak peremuannya pula disuruh membasuh pinggan mangkuk dan melakukan kerja-kerja lain serta menjaga adik apabila balik dari sekolah atau pada masa tidak bersekolah.

Ketidakpandaian memasak bukan sahaja memalukan anak perempuan tetapi juga ibunya kerana si ibu dikatakan tidak pandai mengajar anak. Anak dara yang tidak pandai dan tidak berminat dengan masak memasak dikatakan sebagai malas, manja atau bersifat seperti lelaki. Kepandaian dan kerajinan anak perempuan memasak boleh menaikkan kedudukan ibu dan keluarganya serta juga dirinya apabila dia berjaya menyediakan makanan yang lazat untuk keluarga suaminya. Sikap malas memasak di kalangan anak dara amat memalukan keluarganya dan dijadikan bahan umpatan keluarga mertuanya setelah ia berkahwin. Terdapat

satu cerita tentang betapa malunya si ibu apabila anak perempuannya tidak tahu memasak serta malas. Peristiwa ini diceritakan oleh Mak Aji seperti berikut,

... Seorang wanita yang baru kahwin, telah bertandang ke rumah mertuanya. Pada hari pertama, dia dilayan oleh kaum keluarga perempuan sebelah suaminya, tetapi selepas itu, dia perlu menyediakan makanan untuk ahli keluarga suaminya. Emak mertuanya telah menyuruh beliau memasak gulai siput. Beliau tidak tahu memasak dan juga pemalas. Beliau telah berdalih dengan mertuanya dengan mengatakan beliau pening kepala dan tidak dapat bangun. Ini telah menyebabkan mertuanya terpaksa memasak sendiri. Selepas memasak, beliau dan ahli keluarganya makan dan mengajak menantunya makan bersama tetapi beliau memberitahu bahawa beliau tidak mahu makan. Selepas makan, ibu mertua tadi telah mengemas semula makanan lebihan dan meletakkannya di bawa saji. Pada malamnya mereka tidur. Menantunya yang pura-pura sakit kepala tadi merasa sungguh lapar dan beliau telah pergi ke dapur senyap-senyap untuk makan. Oleh kerana takut di dengar oleh orang lain, beliau tidak menyedut isi siput tetapi terus menelannya bersama-sama dengan kulit. Selepas makan beliau masuk tidur senyap-senyap. Beliau tidak dapat tidur kerana mula merasa sakit perut yang amat parah dan ini menyebabkan beliau menangis. Apabila didengar oleh suaminya, beliau memanggil ibunya kerana beliau tidak tahu hendak buat apa-apa. Ibu mertuanya datang menolong mengurut perutnya. Apabila diurut, ibu mertuanya terasa perut menantunya berbiji-biji itu keluar. Alangkah terperanjatnya beliau apabila melihat apa yang keluar dari perut menantunya. Beliau berpura-pura tidak tahu tentang perbuatan menantunya dan menasihatkannya secara menyindir supaya lebih berhati-hati lain kali apabila makan siput. Menantunya merasa sungguh malu dan menyesal di atas perbuatannya dan mula belajar untuk memasak selepas peristiwa itu.

Cerita di atas menunjukkan bahawa anak perempuan yang tidak dilatih untuk memasak sejak awal lagi oleh ibunya akan menghadapi masalah apabila berkahwin kerana memasak ialah tanggungjawab isteri.

### PERANAN ISTERI DAN SUAMI

Pembahagian tugas dalam organisasi kerja di rumah meletakkan peranan isteri dalam kerja-kerja ringan yang tidak memerlukan tenaga fisikal dan peranan suami dalam kerja-kerja berat yang memerlukan tenaga fisikal (Goody 1984; Manderson 1986; Feldman-Savelsberg 1996). Pengasingan gender dalam organisasi kerja di rumah ini meletakkan penyediaan makanan, memberi dan menjaga suami serta anak-anak sebagai tugas utama isteri kerana kerja-kerja tersebut dikelaskan sebagai kerja ringan dan remeh temeh. Isteri mengurus segala urusan yang berkaitan dengan makanan dalam kehidupan harian keluarga. Di Sungai Peria, isteri berusaha mendapatkan makanan dan peralatan memasak (seperti mengangkat air dari perigi dan mencari kayu api), memasak, menghidangkan makanan dan memberi suami dan anak-anak makan serta mengemas pinggan mangkuk selepas makan. Di dalam semua 20 keluarga yang diperhatikan, si isterilah yang mendapatkan bahan makanan untuk dimasak, memasak, menentukan kuantiti dan jenis ikan dan sayur serta jenis masakan yang hendak dimasak di setiap

masa makan. Isteri juga berperanan menentukan susunan kedudukan dan pinggan mangkuk yang digunakan semasa makan baik untuk suami ataupun tetamu dan menentukan siapa makan di mana dan siapa patut dihidangkan dahulu. Ini bermakna isteri bukan sahaja mengawal susunan hidangan dan kedudukan tetapi juga mengawal kuantiti makanan yang dihidangkan dan siapa yang mendapat bahagian istimewa atau lebih.

Menerima peranan gender yang meletakkan aktiviti memasak, memberi dan menjaga makan minum suami serta anak-anak sebagai peranan isteri memberi isteri peluang untuk menyatakan identiti mereka. Sebagaimana kata seorang isteri, "Saya adalah suri rumah, kalau tidak tahu masak, apa lagi yang boleh saya lakukan dan di mana suami dan anak-anak saya hendak makan". Pandangan yang sama juga dimiliki oleh wanita Florence, di Itali (Counihan 1988). Amat susah bagi isteri dan ibu di Sungai Peria untuk mengelakkan diri dari melakukan segala peranan yang berkaitan dengan masak dan memberi orang lain makan. Seorang isteri mengatakan, "Saya masak kerana saya rasa bertanggungjawab untuk memasak. Saya rasa bersalah kalau tidak masak makanan untuk di makan oleh suami dan anak-anak di setiap masa makan". Isteri yang tidak menyediakan makanan untuk suami dan anak-anak pada setiap masa makan dikatakan mementingkan diri sendiri, tidak bertanggungjawab serta pemalas. Isteri dipersekutuan dan juga dimarahi apabila makanan tidak disiapkan untuk suami dan anak-anak pada setiap masa makan. Terdapat kes di mana si suami memarahi dan memukul isterinya yang gagal melaksanakan tanggungjawab ini.

Oleh kerana tanggungjawab demikian, kebanyakan isteri di Sungai Peria cuba menyediakan makanan untuk keluarganya pada setiap masa makan kecuali mereka sakit atau tidak ada di rumah. Melalui penyediaan makanan dan aktiviti makan dalam keluarga, isteri merasa diri mereka dihargai dan diperlukan. Suami dan anak-anak akan bertanya mereka bila makanan akan siap dan boleh dimakan serta apa yang mereka masak. Suami dan anak-anak juga memuji sekiranya makanan yang dimasak isteri/ibu sedap dan mengadu apabila sebaliknya. Kadang kala mereka juga akan meminta isteri/ibu untuk memasak jenis masakan yang mereka teringin hendak makan. Sekiranya suami atau anak-anak sakit, isteri juga yang menyediakan makanan mengikut keperluan mereka serta memberi mereka makan. Dengan menyedia dan memberi orang lain makan, isteri secara tidak langsung memberi kehidupan kepada orang lain.

Apabila isteri di Sungai Peria bercakap tentang apa yang mereka hendak masak, mereka kerap merujuk kepada kegemaran suami dan anak-anak. Kerana suami merupakan punca mengapa isteri memasak, jenis lauk dan cara menghidang makanan semasa makan berubah apabila suami tidak ada di rumah. Seorang isteri memberitahu:

Saya tidak kesah tentang masak sekiranya suami saya tidak makan di rumah. Kadangkala saya suruh anak-anak beli apa sahaja yang mereka suka di kedai kopi. Kalau saya masak pun, saya cuma goreng ikan atau telur sahaja. Bila suami saya makan di rumah, saya pastikan lauk yang dimasak adalah dua atau tiga jenis dan mesti ada lauk dari jenis berkuah seperti sayur lemak, singgang atau gulai lemak serta dihidangkan dengan cara yang betul.

Seorang isteri lain pula menceritakan,

Apabila suami saya tidak ada di rumah, saya dan anak-anak hanya makan nasi berlaukan ikan atau telur goreng dan saya kerap masak nasi sekali sehari sahaja. Apabila suami saya ada di rumah, saya masak di setiap masa makan iaitu untuk makan tengah hari dan malam. Begitu juga dengan lauk yang dimakan dengan nasi. Ikan goreng sahaja tidak cukup untuk dihidangkan kepada suami, mesti ada sayur, sambal atau budu dan lauk dari jenis yang berkuah.

Apabila berlaku perceraian, memasak makanan tidak lagi menjadi keutamaan wanita. Hal ini bukan sahaja berlaku di kalangan wanita di Sungai Peria dan wanita Melayu lain tetapi juga di Amerika Syarikat (Devault 1997). Makanan harian wanita menjadi simpel dan mereka hanya akan memastikan ada makanan untuk anak-anak mereka makan pada setiap masa makan. Mereka tidak lagi masak masakan yang rapi dan teliti untuk setiap masa makan. Matlamat utama dalam kehidupan kebanyakan isteri di sini ialah untuk mengabdikan diri kepada suami dan rumah tangga. Mereka selalu mengatakan yang mereka ingin disayangi oleh suami dan anak-anak. Untuk disayangi oleh suami, seseorang isteri itu mestilah pandai dan rajin memasak serta mengurus rumah tangga. Memberi suami makan adalah pernyataan rasa tanggungjawab, sayang dan cinta isteri kepada suami dan ibu kepada anak.

Kebanyakan isteri di Sungai Peria percaya bahawa salah satu cara untuk mengikat kasih sayang suami ialah dengan memberi perhatian yang teliti kepada aktiviti memasak dan memberi suami makan. Mereka berpendapat bahawa suami tidak akan berkahwin lain kalau isteri rajin memasak dan memberi mereka makan. Rasa sayang suami diukur oleh isteri dari segi aktiviti makan suami. Sekiranya suami tidak makan makanan yang dimasak oleh isterinya, ini boleh menyebabkan isteri merasa kecil hati, terhina, dan tidak dihargai dan tidak dipercayai. Seorang isteri yang menjadi isteri kedua sejak dua puluh tahun lebih lalu telah meluahkan perasaan sedih dan kesal beliau terhadap suaminya. Sejak berkahwin, suaminya amat jarang makan nasi di rumahnya. Hanya sejak akhir-akhir ini sahajalah baru suaminya makan nasi di rumahnya mengikut giliran, iaitu setelah isteri tuanya sakit. Beliau pernah mengatakan, “Apakah saya tidak pandai masak, masakan saya tidak sedap atau tidak percaya kepada saya. Saya rasa terhina dan sedih kerana saya juga ada keinginan hendak makan bersama-sama dengan suami dan anak-anak macam keluarga lain. Kalau tidak percaya kepada saya kenapa kahwin dengan saya”.

Di Sungai Peria, selain bertanggungjawab kepada organisasi penggunaan dan penyediaan makanan serta mendidik anak-anak, isteri juga menyumbang kepada keperluan makanan keluarga dengan menoreh getah serta menanam tumbuhan sayuran, menternak ayam itik dan mencari bahan makanan di persekitaran seperti cendawan, pucuk kayu atau rebung. Kerja isteri dalam lingkungan umum ini hanya dianggap sebagai sampingan, walaupun pada hakikatnya mereka adalah penyumbang utama. Kebanyakan suami di Sungai Peria hanya terlibat dalam sektor pengeluaran sahaja. Suami amat jarang menolong

isteri melakukan kerja-kerja rumah seperti memasak, menjaga anak, mengambil air, mencari kayu atau membeli bahan makanan untuk dimasak, kecuali semasa isteri mereka sakit atau bersalin. Kesemua suami yang ditanya mengatakan bahawa amat memalukan bagi suami melakukan kerja-kerja rumah seperti memasak, membasuh pakaian, menjaga anak dan mengemas rumah kerana itu dikatakan sebagai kerja orang perempuan. Suami yang melakukan kerja rumah sedemikian selalunya dikatakan oleh orang Melayu di Sungai Peria sebagai kena *queen control*, ‘takut kat bini’, ‘terkena ubat guna-guna’ atau ‘pondan’, ‘macam perempuan’, ‘tidak lelaki sebenar’, yang kesemuanya membawa konotasi negatif. Seorang ibu memberitahu penyelidik bahawa anak lelakinya begitu takut dengan isterinya sehingga sanggup melakukan apa sahaja kerja rumah yang disuruh oleh isterinya. Sebagai ibu, beliau tidak suka dengan keadaan tersebut kerana hal itu menjatuhkan martabat anaknya sebagai suami. Mengikutnya, suami sebagai ketua keluarga tidak boleh melakukan kerja rumah yang merupakan kerja isteri. Pandangan bahawa tugas rumah tangga terutama memasak ialah tugas isteri bukan sahaja dipegang oleh lelaki tetapi juga oleh wanita.

Di Sungai Peria, walaupun isteri berkuasa menentukan bila hendak memasak, apa yang hendak dimasak dan siapa yang mendapat bahagian mana, tetapi semua ini dilakukan selaras dengan norma dan nilai umum masyarakat Melayu. Sewaktu makan, isteri masih lagi mendahulukan suami, kaum keluarga lelaki dan anak dan memastikan golongan ini mendapat bahagian makanan yang terbaik. Seorang isteri mengatakan bahawa beliau merasa gembira apabila makanan yang dimasaknya dimakan habis oleh ahli keluarganya dan merasa sedih apabila mereka tidak berselera makan. Beliau mengatakan bahawa beliau sanggup berlapar asalkan anak-anak dan suami dapat makan. Dalam keadaan tertentu (seperti kehabisan lauk), isteri atau ibu terpaksa mengorbankan keperluan diri sendiri seperti hanya memakan nasi dengan kuah atau nasi dengan budu dan ulam sahaja. Berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh budaya mereka isteri sanggup berkurban untuk anggota keluarganya. Dalam keadaan ini, isteri di satu segi berkuasa tetapi di satu segi lain tidak berkuasa, kerana mereka terpaksa memberi laluan kepada suami dan lelaki untuk makan dahulu.

Pengorbanan isteri di Sungai Peria tidak bermakna mereka merupakan golongan bawahan dalam hubungannya dengan suami, atau mengikut telunjuk suami. Mereka boleh menolak permintaan suami dengan mengatakan makanan sudah habis, kerana suami jarang pergi ke dapur untuk mengambilnya. Isteri dalam keadaan ini menunjukkan sifat keibuan yang sentiasa berkurban untuk orang lain. Pengorbanan mereka ini selalu dikenangi oleh anak-anak dan ini merupakan sumber kuasa bagi mereka dalam menaigh simpati daripada anak-anak apabila mereka tua nanti. Apabila anak-anak, baik lelaki maupun perempuan, meningkat dewasa dan bekerja, mereka kebiasaannya memberi wang kepada ibu tetapi jarang sekali kepada bapa mereka. Enam orang anak lelaki yang telah bekerja di luar memberitahu pengkaji bahawa mereka selalunya memberi wang

kepada ibu mereka apabila balik ke kampung tetapi tidak kepada bapa mereka. Menurut mereka,

Emak yang menjaga makan minum keluarga kami bukan ayah. Jadi kenapa mesti kami beri duit kepada ayah? Duit yang diberi kepada emak selalunya emak gunakan untuk keperluan keluarga seperti membeli ikan, beras dan gula tetapi kalau duit diberi kepada ayah, belum tentu lagi ayah akan menggunakan duit tersebut untuk keperluan keluarga. Selalunya ayah guna duit itu untuk keperluan dirinya sendiri seperti beli rokok dan minum kop di kedai kop. (interview)

### LINGKUNGAN LELAKI DAN WANITA

Asas bagi perbezaan gender terletak kepada lingkungan di mana satu-satu aktiviti atau perlakuan itu berlaku (Rosaldo 1974; Goody 1984; Bilton et al. 1996). Masak memasak dan memberi makan dalam lingkungan domestik ialah peranan utama wanita dan berkaitan dengan kewanitaan. Manakala masak memasak dalam lingkungan umum merupakan peranan lelaki dan berkaitan dengan kelelakian. Masak memasak, walaupun dikaitkan dengan peranan dan tanggungjawab wanita yang dalam elemen ideologi budaya dianggap kurang martabat, tetapi dalam lingkungan umum seperti semasa kenduri besar dan sebagai sumber pencarian dianggap tinggi martabatnya dan dikaitkan dengan peranan lelaki. Peranan lelaki dalam urusan masak memasak dalam lingkungan umum berkaitan dengan kelelakian. Peranan ini menunjukkan keupayaan menggunakan kuasa, kepandaian serta kekuatan fizikal seperti membuat khemah dan penyembelihan binatang (yang melibatkan unsur keagamaan) di samping kerja produktif (Goody 1984; Bilton et al 1996).

Apabila masak memasak dikaitkan dengan lingkungan umum, lelaki dari segi budaya dianggap lebih layak daripada wanita. Lelaki dipercayai lebih pandai untuk memasak dalam kuantiti yang banyak dan untuk masyarakat luar. Seperti ditunjukkan oleh beberapa orang pengkaji lain, apabila proses memasak berlaku di luar dapur dan lebih mengkhusus, ia berpindah tangan daripada wanita kepada lelaki (Goody 1984). Di Sungai Peria, hal ini berlaku semasa kenduri besar yang nasi dan lauknya dimasak dalam kuantiti yang banyak dan ini dilakukan oleh lelaki, manakala wanita pula memasak lauk dalam kuantiti yang sedikit. Dalam lingkungan umum, wanita hanya layak untuk membantu lelaki dalam kerja-kerja yang dianggap ringan dan berkaitan dengan kerja-kerja harian mereka (seperti mengupas bawang, menyiang sayur dan daging, menyediakan rempah, membasuh bahan makanan yang hendak dimasak, membasuh pinggan mangkuk dan menyediakan peralatan untuk upacara).

Di Sungai Peria, walaupun lelaki memasak semasa kenduri besar dan di kedai makan, tetapi segala peralatan dan bahan masakan seperti jenis rempah yang diperlukan ditentukan oleh wanita. Pembelian beras, lembu atau kambing, dilakukan oleh lelaki, tetapi kuantiti makanan yang hendak dibeli ditentukan oleh

ketua tukang gulai yang keseluruhannya terdiri daripada wanita. Ketua tukang gulai ini diajak oleh tuan rumah semasa berbincang tentang jumlah tetamu yang dijemput serta jenis lauk yang hendak disediakan. Dalam banyak keadaan, tuan rumah perempuan yang mencadangkan jenis masakan lauk yang hendak disediakan, manakala keputusan sama ada hendak membuat kenduri besar-besaran dengan menyembelih beberapa ekor lembu dan sebagainya dibuat bersama oleh tuan rumah lelaki dan perempuan. Cuma terdapat satu kes di mana tuan rumah perempuan membantah cadangan suaminya untuk menyembelih seekor lembu sahaja. Dalam kes tersebut, suaminya akur sahaja dengan kehendak isteri yang mahu menyembelih dua ekor lembu tetapi menyatakan rasa kesalnya kepada ketua tukang gulai dengan mengatakan, "Air liur saya tawar sekarang sebab itulah dia tidak dengar cakap saya".

Identiti lelaki menyerlah dalam lingkungan umum, manakala identiti wanita pula menyerlah dalam lingkungan domestik. Lelaki banyak dijemput makan kenduri dan terlibat dalam upacara yang berkaitan dengan kenduri, sedangkan wanita kurang terlibat dalam kedua-duanya. Wanita hanya dijemput untuk menolong memasak dan membasuh pinggan mangkuk dan ini pun bergantung kepada jenis kenduri yang diadakan. Bagi kenduri kecil yang hanya melibatkan penggunaan ayam dan/atau itik sebagai lauk, orang Melayu Sungai Peria bersandar kepada ahli keluarganya sahaja dengan tidak menjemput orang lain untuk menolong. Semasa kenduri besar dan sederhana sahaja, wanita daripada keluarga lain dijemput untuk menolong. Bilangan wanita yang dijemput itu pun terhad, terdiri daripada jiran yang berdekatan, kawan rapat atau sanak saudara sahaja.

Apabila wanita terlibat dalam lingkungan umum, tempat duduk mereka berbeza daripada tempat duduk lelaki. Semasa kenduri kahwin, tetamu lelaki makan di dalam khemah yang disediakan di luar rumah, manakala jemputan wanita pula makan di ruang tamu di atas rumah. Tidak ada satu kenduri kahwin yang diperhatikan, jemputan wanita makan bersama-sama dengan jemputan lelaki walaupun mereka itu suami isteri dan datang bersama-sama. Tidak ada orang yang berani melanggar peraturan ini. Semasa kenduri-kenduri lain, jemputan lelaki makan di ruang tamu, manakala jemputan wanita makan di ruang rehat keluarga atau di dapur. Perbezaan tempat makan untuk wanita dan lelaki menggambarkan perbezaan status di antara mereka.

Lelaki bebas bergerak dalam lingkungan umum seperti boleh pergi makan dan minum di kedai kopi dan kedai makan pada bila-bila masa sahaja. Kedai kopi dan kedai makan merupakan tempat di mana lelaki berkumpul, berkongsi gossip, maklumat, berborak, berbincang, membuat keputusan dan bertemu muka dengan kawan-kawan di kedai makan. Pergi ke kedai kopi merupakan aktiviti masa lapang yang amat diminati oleh lelaki Sungai Peria. Mereka merasa selesa bersama-sama dengan kawan-kawan dan merasa yakin tentang kedudukan mereka dalam organisasi dan masyarakat. Bagi mereka, secawan kopi bersama kawan lebih bermakna daripada secawan kopi yang diminum di rumah. Seorang informan

lelaki menyatakan, "Saya rasa hidup saya tidak sempurna kalau tidak datang minum kopi dan berjumpa dengan kawan-kawan di kedai kopi setiap hari".

Lelaki dewasa yang tidak pergi ke kedai kopi dan bertemu dengan kawan-kawan mesti ada alasan yang kukuh. Jika tidak mereka dituduh anti sosial dan tidak bersifat kelelawian. Oleh kerana itu, lelaki di Sungai Peria pergi ke kedai kopi, minum kopi, makan nasi berlauk dan hisap rokok sebelum pergi bekerja dan balik dari kerja. Sebelah petang juga terdapat lelaki di Sungai Peria yang pergi lagi ke kedai kopi untuk minum. Seorang informan lelaki memberitahu penyelidik bahawa beliau datang ke kedai kopi sebanyak empat kali sehari.

Bagi wanita, kedai kopi dikatakan sebagai tempat yang tidak sesuai (Firth 1966; Gannon 1994). Di Sungai Peria, wanita jarang secara sengaja pergi minum atau makan di sana. Mengikut dua orang informan utama wanita, adalah tidak manis kalau wanita pergi minum di kedai kopi. Apabila terpaksa (seperti haus dan sebagainya) wanita hanya mengambil tambul di kedai kopi apabila mereka keluar ke tempat lain yang jauh dari tempat kediaman mereka. Sepanjang pemerhatian penyelidik di kedai kopi selama seminggu, hanya tiga kali penyelidik berjumpa dengan wanita minum di sana. Kali pertama, penyelidik berjumpa dengan Raja Nab yang minum di kedai kopi Makcik Lah. Raja Nab ini pada hemat penyelidik terpaksa berbuat demikian kerana beliau terperangkap dalam hujan semasa balik dari klinik bersama-sama dengan bayinya yang demam. Beliau menunggu hujan reda selama dua jam. Kali kedua, penyelidik berjumpa dengan Mak Yam pada suatu malam sedang minum kopi di kedai kopi yang sama. Mak Yam tidak minum di depan tetapi di tempat yang tersorok. Beliau memberitahu penyelidik yang Makcik Lah membelanjakannya air kopi. Beliau sebenarnya datang hendak membeli kuih lompat tikam untuk bapa tirinya, tetapi kuih itu sudah habis. Kali ketiga, penyelidik bertemu dengan Mak Nik sedang minum dan makan laksan. Berlainan dengan wanita lain, Mak Nik selalu makan dan minum di kedai kopi dan kedai makan. Mak Nik ini terkenal dalam masyarakat yang dikaji kerana beliau bukan sahaja menjadi tukang gulai tetapi juga bidan. Oleh itu, beliau selalu dijemput oleh mereka yang memerlukan perkhidmatannya dan kedai kopi ialah tempat beliau menunggu kerana jalan ke rumahnya berlumpur dan tidak dapat dimasuki oleh kenderaan. Bagi Mak Nik perbuatannya makan dan minum di kedai kopi tidak dipandang serong oleh penduduk setempat kerana mereka sedar bahawa peranan yang beliau mainkan untuk kesinambungan komuniti menyebabkan beliau berkeadaan sedemikian.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian kes di Sungai Peria, Kelantan, makalah ini telah menunjukkan bahawa pembentukan identiti gender dalam konteks makanan berkait rapat dengan sistem pengelasan makanan, proses sosialisasi, peranan serta lingkungan yang membezakan lelaki daripada wanita. Sistem pengelasan makanan meletakkan

wanita sebagai golongan bawahan dan subordinat kepada lelaki. Sebagai golongan yang dihormati dan dianggap *superior*, lelaki perlu makan makanan yang lebih berkualiti dan dalam kuantiti yang lebih daripada wanita. Wanita sebagai golongan yang dianggap lemah hanya layak untuk makan makanan yang kualitinya lebih rendah dan dalam kuantiti yang sedikit, kerana dia berkorban untuk orang lain. Wanita, sejak dari kecil lagi dididik untuk melakukan aktiviti-aktiviti domestik yang berkaitan dengan identiti keperempuanan yang lemah, emosional, perlu perlindungan, tidak rasional serta tidak berkebolehan. Peranan lelaki, baik sebagai suami, ayah atau anak untuk keluarga banyak terletak dalam lingkungan umum yang dikaitkan dengan identiti kelelakian iaitu produktif, berkuasa, rasional, berkebolehan, kuat, pandai serta memberi perlindungan.

Pembahagian tugas sebegini menunjukkan penerusan tradisi perkongsian kerja di antara wanita dengan lelaki yang menguntungkan sebelah pihak iaitu lelaki. Wanita masih terus melakukan kebanyakan kerja rumah walaupun mereka sudah terlibat sepenuhnya dalam kerja pengeluaran di luar lingkungan domestik. Keadaan ini bukan sahaja memperlihatkan ketidakseimbangan dalam peranan gender, sumber kekuasaan dan cara komuniti mengekalkan kelangsungan hidup mereka, tetapi juga menentukan identiti. Identiti yang berbeza di antara gender ini seterusnya mempengaruhi aspek kehidupan mereka yang lain (seperti kesihatan, jangka hayat, status pemakanan, status sosial dankekayaan).

Perubahan yang pesat berlaku dalam kehidupan harian di mana wanita pada hari ini bersama-sama menyumbang kepada keperluan keluarga tidak banyak mempengaruhi identiti mereka. Identiti gender masih kekal sebagai penentu dalam pembahagian tugas berbanding dengan faktor lain. Kebanyakan wanita tidak melihat tanggungjawab rumah tangga yang mereka lakukan sebagai tidak adil. Manakala lelaki pula tidak melihat penglibatan wanita dalam lingkungan umum sebagai membebangkan wanita. Ideologi sebegini bukan menyenangkan wanita tetapi merupakan satu bentuk penyisihan wanita daripada pekerjaan yang memerlukan kepandaian dan kemahiran dan seterusnya peningkatan martabat mereka.

#### RUJUKAN

- Bilton, T. et al. 1996. *Introductory sociology*. London. MacMillan Press. Ltd.
- Beoku-Betts, J.A. 1995. We got our way of cooking things: Women, food and preservation of cultural identity among the Gullah. *Gender and Society* 9(5) (October): 535-55.
- Brumberg, J.J. 1997. The appetite as voice. Dlm. *Food and culture: A reader*, disunting oleh C. Counihan & P.V. Esterik. New York: Routledge.
- Callaway, B.J. 1997. Hausa socialization. Dlm *Gender in cross-cultural perspective*, disunting oleh C.B. Brettell & C.F. Sargent. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Caplan, P. (ed). 1997. *Food, health and identity*. London: Routledge.
- Counihan, C.M. 1988. Female identity, food and power in comtemporary Florence. *Anthropological Quarterly* 61(3): 51-62.

- DeVault, M. 1997. Conflict and deference. Dlm. *Food and culture: A reader*, disunting oleh C. Counihan & P.V. Esterik. New York: Routledge.
- Ellis, R. 1983. The way to a man's heart: Food in the violent home. Dlm. *The sociology of food and eating: Essays on the sociological significance of food*, disunting oleh Anne Murcott. Hants: Gower.
- Farb, P. & G. Armelagos. 1980. *Consuming passions: The anthropology of eating*. New York: Washington Square Press.
- Firth, R. 1966. *Housekeeping among Malay peasants*. London: Athlone Press.
- Feldman-Savelsberg, P. 1996. Cooking inside: Kinship and gender in Bangangte idioms of marriage and procreation. Dlm. *Gender, kinship, power: A comparative and interdisciplinary history*, disunting oleh M.J. Maynes. New York: Routledge.
- Fieldman, P. 1986. *Food & nutrition: Customs & culture*. London: Croom Helm.
- Frable, D.E.S. 1997. Gender, racial, ethnic, sexual, and class identities. *Annual Review of Psychology* 48: 139-62.
- Gannon, M.J. 1994. *Understanding global cultures: Metaphorical journeys through 17 countries*. London: Sage Publications.
- Goody, J. 1984. *Cooking, cuisine and class: A study in comparative sociology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Manderson, L. 1986. *Shared wealth and symbol: Food, culture and society in Oceania and Southeast Asia*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Meigs, A.S. 1984. *Food, sex, and pollution: A New Guinea religion*. New Brunswick: Rutgers University Press.
- Murcott, A. 1997. It's a pleasure to cook for him: Food, mealtimes and gender in some South Wales Households. Dlm. *Gender in cross-cultural perspective*, disunting oleh C.B. Brettell & C.F. Sargent. New Jersey: Prentice Hall.
- Rosaldo, M.Z. 1974. Women, culture and society: A theoretical overview. Dlm. *Women, culture and society*, disunting oleh M.Z. Rosaldo & L. Lamphere. Stanford: Stanford University Press.
- Rudie, I. 1995. The significance of 'eating': Cooperation, support, and reputation in Kelantan Malay households. Dlm. *'Male' and 'female' in developing Southeast Asia*, disunting oleh Wazir Jahan Karim. Oxford: Berg Publishers.
- Weismantel, M.J. 1988. *Food, gender and poverty in the Ecuadorian Andes*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

Aishah @ Eshah Haji Mohamed  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

